

# BULLETIN

# BULLETIN



MAJLIS DAERAH TAMBUNAN

SABAH MAJU JAYA

# PERUTUSAN PENGERUSI

MAJLIS DAERAH TAMBUNAN

## BLASIUS SOBITUN MAKAJIL

Salam sejahtera dan salam  
Malaysia Madani.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua  
warga Majlis Daerah Tambunan

Di samping komitmen dan usaha dalam  
menerbitkan buletin ini dengan jayanya.

Penerbitan buletin ini adalah salah satu medan  
untuk menyampaikan maklumat am  
mengenai program-program yang telah  
dikendalikan oleh Majlis Daerah Tambunan  
sepanjang tahun 2023.

Majlis Daerah Tambunan merupakan satu pihak  
berkuasa tempatan yang telah  
diberikan amanah untuk memberikan perkhidmatan  
yang terbaik kepada  
masyarakat tempatan.

Banyak program yang telah dijalankan bagi  
mengeratkan lagi hubungan dengan  
masyarakat setempat serta memberikan  
pendedahan tentang peranan, fungsi  
serta perkhidmatan yang telah disediakan oleh  
pihak Majlis kepada masyarakat.

Sekali lagi, Saya ingin merakamkan setinggi-  
tinggi tahniah kepada pihak majlis  
dalam menerbitkan buletin ini dan nasib baik  
dalam mana-mana program yang  
akan dijalankan pada masa akan datang.



# PERUTUSAN PEGAWAI EKSEKUTIF MAJLIS DAERAH TAMBUNAN

## RIZAL MAULAH

Assalamualaikum  
warahmatullahi wabarakatuh,  
salam sejahtera dan salam  
Malaysia Madani

Syukur ke hadrat ilahi, kerana dengan izinNya buletin Majlis Daerah Tambunan ini dapat diterbitkan dengan jayanya. Taniah dan syabas kepada semua kakitangan yang terlibat dalam menerbitkan buletin ini. Melalui buletin ini, ianya dapat memberi maklumat tentang aktiviti Majlis Daerah Tambunan sepanjang tahun 2023.

Aktiviti seperti gotong-royong, sukan antara jabatan dan program bersama komuniti dapat mengeratkan lahi hubungan MDTBN dengan jabatan lain serta masyarakat tempatan. Pandemik Covid 19 yang melanda di negara kita telah banyak memberi pelbagai cabaran dan kesan yang mendalam. Namun begitu, segalanya perlu dijadikan pedoman untuk terus bergerak maju menempui lembaran baru pada tahun 2023 dan tahun seterusnya.

Akhir kata, adalah menjadi harapan saya agar segala informasi yang telah dimuatkan dalam buletin ini mampu bertindak sebagai saluran komunikasi yang dapat memudahkan pembaca untuk memperolehi maklumat sekaligus menaikkan imej dan reputasi MDTBN.





# ISI KANDUNGAN

HOTEL PERKASA KENINGAU

## MAJLIS ANGKAT SUMPAH

March 2023



## TAKLIMAT KESEDARAN TATATERTIB PIHAK BERKUASA TEMPATAN

BILIK PERSIDANGAN MDTBN

Tentatif program kesedaran tatatertib pihak berkuasa tempatan tahun 2023. Dari kiri Tuan Mohd Jamri bin Awang Damit (Penolong Setiausaha Kanan) daripada Bahagian Integriti dan Governans Negeri Sabah, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri menyerahkan cenderahati kepada Tuan Rizal Maulah selaku Pegawai Eksekutif Majlis daerah Tambunan. (maklumat penuh ms-15)

## PROGRAM:

Majlis Hari Keluarga  
Kesuma 2023/2024

Penghiasan Pentas dan Logistik  
Sempena Pesta Kaamatan

Aktiviti Rakan Taman

Operasi Penangkapan Anjing  
Liar Di Sekitar Pekan

Gotong-Royong Perdana

Gotong-Royong Pusat  
Transit Sampah

# AHLI MAJLIS



## "Wonder Women"

Dari kiri Cik Patricia Cynthia Philip, Pn. Paula@Paulina Binti Domian Andoi, Pn. Saldivilla Wences dan Pn. Bibi@Idah Arrifin adalah sebahagian wanita yang dicalonkan sebagai ahli majlis MDTBN pada sesi 2023/2025 ini.



2023 / 2025

Majlis Angkat Sumpah ini juga turut dihadiri oleh ketua-ketua Jabatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan bagi menyaksikan upacara tersebut. Aturcara Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis sesi 2023-2025 dijalankan bersama Majlis Anugerah Pekerja Cemerlang Tahun 2022 dan Majlis Berbuka Puasa Majlis Daerah Tambunan bertempat di Perkasa Hotel, Keningau.



YB Datuk Isnin Bin Aliasnih @ Liasnih dari kiri Pembantu Menteri 1 di ikuti YB Datuk Seri Panglima Dr Jeffrey Datuk Kitingan Timbalan Ketua Menteri 1 Merangkap Menteri Pertanian, Perikanan Dan Industri Makanan Sabah, Yang Berbahagia Tuan Blasius Sobitun Makajil Pengerusi Majlis dan Tuan Rizal Maulah Pegawai Eksekutif bersama-sama menjadi saksi kepada setiap ahli majlis yang menandatangani Suratcara Majlis Perbandaran/Lembaga/Majlis Daerah.

Seterusnya, seramai 18 orang ahli majlis berjaya mengangkat sumpah. Antara ahli-ahli majlis adalah En.Bede@Jupirin, En.Justin Yonsoding, Datuk Clement Jaikul J.P, Dr.James Liew, En.Geoffrey Yong, En.Christopher T.Podtung, Pn.Bibi@Idah, En.Sammy Martin, En.Zainal Rashid, En.Charles Eastern, En.Tany Anthony, Pn.Paula@Paulina, En.Ar-Rafi Yasin, Cik Patricia Cynthia, En.Davis bin O.T Salang, En.Yusip Alexius, En.Welly B. Arimput, dan Pn.Saldivilla Wenges.





# MAJLIS ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG TAHUN 2022 DAN MAJLIS BERBUKA PUASA MDTBN

## KAKITANGAN MAJLIS DAERAH TAMBUNAN



Peyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022 bagi kakitangan Majlis Daerah Tambunan. Majlis penyampaian ini disampaikan oleh YB Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Kitingan Timbalan Ketua Menteri 1 Merangkap Menteri Pertanian dan Industri Makanan, ADUN N.39 Tambunan dan Parlimen P.180 Keningau. Anugerah Pekerja Cemerlang Tahun 2022 telah diserahkan kepada kakitangan MDTBN.

Dengan itu, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022 diterima oleh Pn.Suilim @Siti Ayshah Kulimin @ Abdullah, Pn.Lunah Damianus, Pn.Marlinawati jango, En.Maurice Stephen B.Victor@Suffian Sammy Abbie, En.Paulus bin Godung @ Paulus B. Gadong, En.Henry Peter Muji, En.Alex Anthony Apin, En.Jason Juslin dan En.Yangun Digang. Di mana sebagai ketua unit amat dihargai dalam menjalankan tugas harian yang efektif untuk perkhidmatan MDTBN kepada penduduk masyarakat Tambunan.



Kiri: Tuan Blasius Sobitun Makajil, Tuan Rizal Maulah, YB Datuk Jeffrey, YB Datuk Isnin

Sehubungan dengan itu, pihak Majlis juga menjemput YB Datuk Jeffrey Datuk Kitingan untuk melancarkan penyerahan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022. Diiringi bersama Pengerusi Majlis Blasius Sobitun Makajil dan YB Datuk Isnin bagi memeriahkan lagi Majlis penyerahan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022. Dengan itu, tidak lupa juga Pegawai Eksekutif Tuan Rizal Maulah turut menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bersama kakitangan yang lain.



Sebagaimana kita sedia maklum, Majlis ini bertujuan untuk memperkukuhkan Majlis Daerah Tambunan sesi 2023/2025 serta melantik ahli-ahli Majlis MDTBN yang baharu. Sejujurnya pihak kakitangan MDTBN ingin menzahirkan perasaan yang cukup berbangga dengan pencapaian-pencapaian yang diperolehi oleh penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini sepanjang sesi yang lepas atas usaha dan kerja keras barisan kakitangan Majlis serta ahli-ahli tertinggi MDTBN sendiri.

Setelah selesai sesi penyerahan watahah Pelantikan Sesi 2023/2025 dan peyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022 bagi kakitangan Majlis Daerah Tambunan. Acara diteruskan lagi dengan sesi bergambar seperti gambar diatas dan juga Majlis Berbuka Puasa MDTBN (Gambar berbuka puasa di lampiran sebelah).

# MAJLIS BERBUKA PUASA

Majlis Daerah Tambunan  
2023

## Perkasa Hotel

Hidangan berbuka puasa telah disediakan oleh kakitangan Perkasa Hotel sendiri. Bertempat di Keningau.



---

**Jamuan Berbuka Puasa Kakitangan Majlis Daerah Tambunan/Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan/KKTP/Ahli-Ahli Majlis/Pengerusi Majlis/Timbangan Ketua Menteri I**





»»» 28.04.2023

# AKTIVITI RAKAN TAMAN

Program Rakan Taman bagi Taman Awam Sungai Tondulu Tambunan telah berjaya dilaksanakan dengan melibatkan 50 orang peserta yang terdiri daripada wakil PBT dan komuniti setempat. Program ini juga turut diserikan dengan kehadiran Encik Rizal Maulah, Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Tambunan.

April 2023



## PEMANASAN BADAN

»»» 07:30 pagi

Aktiviti dimulakan dengan sesi pemanasan badan dengan seperti senamrobik dan juga jogging.

Selain itu, kerja-kerja pembersihan dan pengecatan semula laluan pejalan kaki, pembersihan parit, pagar taman dan kawasan taman, pembaikan peralatan permainan kanak-kanak dan pemangkasan pokok turut dilaksanakan.

»»» 10:00 pagi  
MAKAN & MINUM



## DIJANGKA SELESAI

»»» 12:00 pagi

Aktiviti ini juga mendapat penglibatan yang baik daripada kakitangan pejabat dan luar. Kerjasama dilakukan dengan cermat dan saling bantu-membantu di kalangan kakitangan pejabat dan luar.



## »»» SEMUA KAKITANGAN PEJABAT & LUAR

Penyaluran peruntukan daripada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah ini adalah salah satu usaha untuk meningkatkan kesedaran awam tentang kepentingan menjaga persekitaran taman awam dan taman permainan bukan sahaja tertumpu kepada tanggungjawab sepenuhnya Pihak Berkuasa Tempatan tetapi ia juga memerlukan kerjasama erat daripada komuniti setempat bagi menjamin kebersihan dan keceriaan taman untuk kesejahteraan pengguna taman.



# MAJLIS HARI KELUARGA KESUMA

MDTBN



## PEYAMPAIAN HADIAH SUKAN KESUMA

Sempena Hari Keluarga Kelab Kesuma ini dilancarkan oleh Tuan Rizal Maulah Pegawai Eksekutif MDTBN. Acara dimulakan dengan bacaan doa dan sedikit ucapan daripada Pengerusi Kesuma Tuan Yangun serta ucapan Tuan Rizal Maulah. Upacara ini berlangsung dengan pembukaan makan tengah hari dalam masa yang sama juga pertandingan menyanyi dijalankan. Sambutan ini di raihkan dengan meriah lagi di mana ahli-ahli keluarga kakitangan MDTBN turut serta. Aturcara ini di adakan di Dewan Masyarakat Tambunan.

Aturcara Majlis bermula pada jam 1 petang hingga jam 5 petang. Majlis ini juga diadakan sesi pertukaran hadiah diantara kakitangan MDTBN. seramai 61 kakitangan yang terlibat bagi memeriahkan Majlis.

## PERTANDINGAN MENYANYI DEWASA & KANAK-KANAK

## CABUTAN TIKET BERTUAH (GRAND PRIZE BASIKAL)

# PEMENANG BERPASUKAN SUKAN KESUMA



"CHAMPION" Keseluruhan telah di memenangi oleh pasukan Tondolu. Dan tempat kedua dimiliki oleh pasukan Rompon. manakala, tempat ketiga disandang oleh pasukan Kaingaran diikuti tempat keempat adalah pasukan Pagalan.

Sebanyak 10 jenis sukan yang telah ditandingkan dalam acara ini. Antaranya ialah sahibbah, karom, badminton, futsal, bola sepak, takraw, dart, memanah dan bola tampar.

## PARA PEMENANG AKAN MEMBAWA HADIAH WANG TUNAI

Tiap pasukan mempunyai 1 hingga 13 orang pemain. Ke semua pemain berjaya menglibatkan diri dalam setiap acara sukan yang ditandingkan. Pertandingan dijalankan dengan baik dan tiada sebarang kemalangan atau kecederaan yang dihadapi.



Hari Kesuma ini diadakan setiap tahun bagi memupuk semangat kerjasama dan mengeratkan lagi hubungan kakitangan MDTBN. Sebahagian itu, menanam gaya hidup sihat di kalangan kakitangan MDTBN dan memberi contoh yang baik kepada masyarakat sekeliling.





➤➤➤ PISOMPURUAN SQUARE

# GOTONG-ROYONG PERDANA



➤➤➤ SELURUH JABATAN

Kerajaan negeri & Persekutuan

Antara jabatan yang terlibat seperti, Majlis Daerah Tambunan, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Kerja Raya, Sabah Electricity Sdn, Bhd, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia Negeri Sabah dan beberapa juga jabatan lain yang terlibat. Operasi pembersihan dijalankan dengan baik atas kerjasama semua kakitangan jabatan yang penuh toleransi dan saling bantu-membantu.

"GALA NIGHT" <<<

Persediaan

Aktiviti pembersihan ini dilakukan sebelum Majlis Gala Night Kaamatan tahun 2023 diadakan. Contohnya, sama-sama membersihkan taman permainan, longkang, tandas, bumbung dan persekitaran Pisompuruan. Kerja-kerja yang dilakukan juga dipantau bersama-sama bagi memastikan kebersihan kawasan dibersihkan dengan baik.



➤➤➤ KERJASAMA

Perpaduan

GOTONG-ROYONG adalah salah satu budaya rakyat Tambunan. Dalam suasana masyarakat majmuk di Tambunan, aktiviti gotong-royong sebenarnya mampu mewujudkan persefahaman antara jabatan-jabatan di Tambunan melalui semangat bantu-membantu dan bekerjasama.



# Kaamatan



## Logistik

Unit Logistik MDTBN telah berkerjasama membantu menghiaskan pentas dan penyediaan meja-meja serta kerusi bersama penganjur Pesta Kaamatan Peringkat Tambunan 2023. Anggaran 20 meja telah disediakan sebanyak 700 lebih kerusi juga turut disediakan. Kakitangan luar banyak membantu bagi melancarkan persediaan logistik.



## Peringkat Daerah Tambunan

Pesta Kaamatan peringkat Daerah Tambunan dengan pelbagai acara menarik itu akan diadakan di Pisompuruan Square di sini pada 18 Mei dan akan dirasmikan oleh YB. Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Kitingan Timbalan Ketua Menteri 1 Merangkap Menteri Pertanian dan Industri Makanan, ADUN N.39 Tambunan dan Parlimen P.180 Keningau.



# OPERASI PENANGKAPAN ANJING LIAR DI SEKITAR PEKAN



JAM 7 MALAM

## PERSEDIAAN

### UMPAN | 2 PERANGKAP | LOKASI

Menurutnya, SOP itu juga telah dibentangkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah pada 17 Mei yang lalu dan ianya selari dengan Enakmen Kebajikan Haiwan 2015.

Bahagian Kawalan Haiwan di bawah Jabatan Kesihatan Persekutaran Pekan, MDTBN berfungsi untuk memastikan kawasan awam adalah bebas daripada anjing terbiar atau anjing bertuan yang berkeliaran.

## PROSES PENANGKAPAN

JAM 9 MALAM



SESI 1

JAM 10 MALAM



SESI 2

JAM 11 MALAM



SESI 3

Pihak MDTBN telah melaksanakan penangkapan dan pengawalan anjing terbiar berdasarkan Tatacara Operasi Piawai (Standard Operating Procedure) di bawah Undang-Undang Kecil Pendaftaran dan Kawalan Anjing (Pindaan) 2008. iaitu bagi anjing liar yang ditangkap akan disimpan selama dua (2) hari.

manakala anjing yang mempunyai pemilik disimpan selama tujuh (7) hari. Sekiranya tiada tuntutan dibuat, berdasarkan kepada para 4.5 (ii), anjing-anjing hendaklah dilupuskan dengan

cara suntikan dan disahkan mati oleh Pegawai Veterinar atau mana-mana pegawai di PBT terlatih dan telah diturunkan kuasa oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) (merujuk Akta Doktor Veterinar 1974 (Akta 147).

Call us to arrange a viewing today: +123 456 7890

# PUSAT TRANSIT

JUN

SAMPAH

JALAN

MOSOGIT



Kakitangan MDTBN telah mengambil langkah-langkah keselamatan bagi memastikan kerja pembersihan ini berjalan dengan selamat. Seramai 10 orang kakitangan MDTBN melibatkan diri dalam aktiviti ini. Terutamanya unit landskap dan unit kesihatan Majlis.



## GOTONG-ROYONG DIJALANKAN OLEH MAJLIS DAERAH TAMBUNAN

Aktiviti ini mengambil masa selama satu hari bagi menyiapkan pembersihan persekitaran Pusat Transit.



Antara aktiviti yang telah dilakukan seperti memotong rumput, meracun rumput, melupuskan sisa sampah yang tertinggal.

## GAMBAR SEBELUM DAN SELEPAS PUSAT





# Taklimat Kesedaran Tatatertib Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2023



Bahagian Integriti dan Governans Negeri Sabah, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mengadakan program kesedaran tatatertib Pihak Berkuasa Tempatan. Taklimat ini diadakan bagi memperkukuhkan lagi tatatertib kakitangan kerajaan yang sedia ada mahupun yang baru. En.Zamri selaku penceramah banyak membantu mengingatkan tatatertib kakitangan yang harus dikekalkan di Majlis Daerah Tambunan. Program ini juga meningkatkan lagi kualiti dan disiplin kakitangan MDTBN dalam menjalankan tugas yang telah diberi.



Seramai 61 kakitangan MDTBN telah menghadiri Taklimat ini. Program bermula daripada 7.30 pagi hingga ke 5 petang.



Program ini dimulakan dengan sedikit ucapan daripada Tuan Rizal kepada kakitangan MDTBN. Penglibatan kakitangan MDTBN amat baik dan kerjasama diberi sepenuhnya bagi menjalankan program dengan lancar. Taklimat ini banyak memberi kesedaran kepada semua kakitangan MDTBN.

[www.mdtambunan.sabah.gov.my](http://www.mdtambunan.sabah.gov.my)



# MDTBN Sabtu

Julai 22-07, 2023

8.00 pagi - 2.00 petang

**K**erja-kerja pembersihan dilakukan pada awal pagi. Pembersihan ini di pantau oleh Pn.Suilim @Siti Ayshah Kulimin @ Abdullah bagi memastikan kerja-kerja berjalan dengan lancar.

Pembersihan di bahagian jendela bangunan Pejabat Kompleks digunakan "Crane Truck" bagi memudahkan pembersihan di paras bangunan yang tinggi.



Recording a Vlog



# BANGUNAN PEJABAT

## KOMPLEKS

Terdapat banyak rumput-rumput yang tumbuh daripada takungan tanah yang terkumpul pada sudut bangunan. Pembersihan rumput itu dilakukan secara berkala & perlahan-lahan bagi mengelak sebarang kecelakaan berlaku. Kakitangan lelaki lebih menumpuhkan pembersihan di atas luar bangunan manakalah kakitangan perempuan membantu membersih di kawasan persekitaran bangunan.

## MAJLIS DAERAH TAMBUNAN

Pejabat yang bersih boleh mempengaruhi produktiviti, prestasi dan kesejahteraan pekerja. Pekerja akan berasa kurang bermotivasi jika pejabat kotor dan kucar-kacir. Oleh itu, pembersihan pejabat yang kerap adalah penting untuk membantu mengekalkan semangat kakitangan sambil memastikan mereka selamat, sihat dan cekap.



Beauty Influencer make a vlog



# GOTONG-ROYONG PENUNBANGAN POKOK TUA MDTBN

## GAMBAR SEBELUM

Kerja-kerja dilakukan bagi meluaskan lagi tapak letak kenderaan MDTBN.

Dan kawasan lebih teratur dan kemas





# PERSEDIAAN SABAH DAY



## Gotong-royong perdana


MDTBN bersama seluruh Jabatan Kerajaan Tambunan telah berkerjasama bagi memberihkan kawasan. Terutamanya MDTBN juga bertungkus-lumus menghias kawasan pekan Tambunan.

30 Ogos 2023

Sabah julung kali akan menyambut Hari Sabah pada 31 Ogos ini bagi memperingati hari ia menjadi negara merdeka 60 tahun lalu, kata Ketua Menteri, Datuk Seri Hajiji Noor.

Beliau berkata sambutan Hari Sabah akan diadakan di Tambunan pada jam 3 petang selepas sambutan Hari Kebangsaan yang dijadualkan di Kota Kinabalu pada sebelah pagi.

Menurutnya, Kabinet Negeri membuat keputusan itu pada mesyuaratnya minggu lalu dan telah memilih Tambunan sebagai tuan rumah untuk sambutan julung kali ini.





# Sabah Day 2023



## Tugu Peringatan

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor diiringi Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Jeffrey Kitingan (kiri) menandatangani Tugu Peringatan 60 Tahun Hari Sabah Merdeka di Pisompuruan Square, Tambunan. NSTP/Ihsan Jabatan Ketua Menteri Sabah.



## Datuk Seri

Berkongsi tarikh Hari Kebangsaan pada 31 Ogos, Hari Sabah yang menandakan kemerdekaan negeri ini daripada penjajah British pada 31 Ogos 1963, sebelum ini tidak diberikan perhatian.

Menyedari kepentingan sejarah Sabah yang perlu dipelihara serta didedahkan kepada umum, kerajaan Sabah mengumumkan untuk menjadikan Hari Sabah sebagai acara rasmi, bermula tahun ini.



## Ketibaan Datuk Seri Hajiji Noor

Selepas sambutan Hari Kebangsaan peringkat negeri di Kota Kinabalu pagi tadi, ribuan rakyat Sabah membanjiri pekan Tambunan, di sini, sejak petang tadi bagi meraikan Hari Sabah yang julung kali disambut secara rasmi selepas 60 tahun,

# SEMPENA PERTANDINGAN I-HIJAU PBT

GOTONG-ROYONG DILAKSANAKAN  
BERSAMA SELURUH KAKITANGAN  
MDTBN



08 SEPTEMBER, 2023



## Top News

terdapat beberapa orang staf lain yang terlibat dengan bengkel dan latihan berkaitan dengan penerbitan buku.

Aktiviti seperti memotong rumput, mencantas dahan pokok dan mengutip daun-daun kering juga turut dilakukan.

## Terdapat beberapa projek yang telah dilakukan oleh MDTBN.

Antara projek yang telah dilaksanakan adalah pembinaan rakit, tanaman hydroponik dan pondok rekreasi.

Projek ini mengambil masa dalam beberapa hari bagi menyiapkan kerja-kerja yang dijalankan termasuk juga kerja-kerja pembersihan.



## Percubaan rakit MDTBN





majlis Daerah Tambunan | May, 2023

# GO GREEN

Est 1994 | [www.md.tbn@sabah.gov.my](http://www.md.tbn@sabah.gov.my)

Hijau

Zon 5

PBT

2023

## Seluruh Sabah

*Pertandingan Hijau 2023 ZON-5*

**23.08.2023**

10:00am

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah telah menganjur satu pertandingan Hijau 2023 bagi seluruh Sabah untuk tahun 2023.



## Taman Pejabat

Lobi



**TAMAN 1**

Luar Bangunan



**HYDROPONIC**

Lobi



**TAMAN 2**





## Hai Selamat Datang Ke *Rumah Anak Yatim*

Aktiviti gotong-royong pihak MDTBN bersama pihak RAY. Masa bermula pada jam 8.00 pagi bertempat di Rumah Anak Yatim (RAY) Tambunan.

Program  
dimulakan dengan  
aktiviti dalam  
dewan

Objektif program ini adalah bagi menjalinkan silaturahim antara MDTBN dengan kakitangan RAY dan kanak-kanak yatim, menambah keceriaan dan kegembiraan kepada kanak-kanak yang memerlukan serta meringankan beban pengusaha pertubuhan RAY yang terlibat.



## Penyampaian Hadiah

Sedikit pemberian Hadiah kepada kanak-kanak yatim daripada MDTBN dalam sesi soal jawab. Pn.Suilim @ Siti Ayshah Kulimin @ Abdullah dan Pn.Marlinawati Jango bersama menjalankan sesi itu dengan menunjukan beberapa soalan ringkas kepada kanak-kanak RAY.





Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah :

1. Senaman pagi
2. Ceramah motivasi oleh Tn Masilin (untuk anak-anak sekolah rendah dan sekolah menengah)
3. Fun activity (sesi soal jawab)
4. Penyampaian sumbangan berbentuk wang tunai dan barangan kepada anak-anak yatim, asnaf dan pengusaha rumah kebajikan.



## Mengecat Bangunan

MDTBN juga membantu dalam mengecat kembali bangunan RAY bersama-sama dengan kanak-kanak RAY.



## Memotong Rumput

Aktiviti memotong rumput juga dijalankan di sekeliling RAY. Bagi meringankan lagi tenaga RAY dalam pemotongan rumput.

# MINGGU E-WASTE



E-waste kini telah menjadi masalah di seluruh dunia. Semakin banyak barangan elektrik dan elektronik yang dihasilkan, semakin banyak juga e-waste yang perlu dibuang/diuruskan. Majlis Daerah Tambunan telah mengadakan kempen e-waste ini dan berharap program ini akan terus dijalankan sampai bila-bila.

# 1.



## BEBERAPA FAKTOR KEBURUKKAN



Jika E-waste dibuang tanpa menggunakan kaedah yang mesra alam seperti buang ke dalam sungai, ke tapak pelupusan, membakar secara sesuka hati atau diberikan kepada pihak yang tidak sepatutnya, e-waste ini berupaya untuk membahayakan kehidupan, menjejaskan kesihatan kita dan menyebabkan kemerosotan kualiti alam sekitar.

## BAGAIMANA MENGURUSKAN E-WASTE

Untuk memastikan pelaksanaan sistem pengurusan e-waste yang lestari, pengguna/ penjana buangan (orang awam) adalah bertanggungjawab untuk melupuskan e-waste ke peruncit, pengumpul yang berdaftar atau kemudahan pemerolehan kembali yang dilesenkan sahaja.

# 2.






JUMAAT |

25 |

OGOS 2023

# GUNUNG ALAB

LAWATAN KE TAMAN ORKID, GUNUNG ALAB DAERAH TAMBUNAN, BATU  
34 JALAN TAMBUNAN-KOTA KINABALU



LAWATAN INI BERTUJUAN MEMBANGUNKAN  
KAWASAN TERSEBUT KERANA BERPOTENSI  
SEBAGAI TEMPAT PELANCONGAN

[www.mdtambunan.sabah.gov.my](http://www.mdtambunan.sabah.gov.my)



# Lampiran.



AHLI-AHLI  
MAJLIS

2023

OGOS





# LAWATAN SAMBIL BELAJAR DAN PENDEDAHAN

08 November 2023

MAJLIS DAERAH TAMBUNAN



## THE NEWS

Majlis Daerah Tambunan dan Majlis Perbandaran Tawau telah bersetuju bagi rombongan Lawatan Sambil Belajar oleh kakitangan Majlis Daerah Tambunan pada minggu ini di Majlis Perbandaran Tawau.

Rombongan delegasi yang terdiri daripada beberapa ahli Majlis Daerah Tambunan bersama Tuan Blasius Sobitum Makajil, Pengerusi Majlis Daerah Tambunan. Satu ucapan ringkas daripada Pengerusi telah diberikan kepada delegasi sebelum sesi perbincangan diadakan.

## OBJEKTIF

Objektif lawatan sambil belajar ke MPT oleh MDTBN ini adalah untuk mendapatkan pendedahan dan pertukaran idea berhubung program pembersihan, pengurusan dan kawalan haiwan liar serta habitatnya yang dijalankan.



## OUR STRATEGY

Dalam program ini, kedua-dua Majlis saling bertukar pendapat dan membincangkan penglibatan awam di dalam aktiviti yang dianjurkan oleh pihak PBT untuk tahun 2024.





## Lawatan Pelupusan

### Tawau, MPT

Majlis Daerah Tambunan telah menjalankan lawatan kerja di Tapak Pelupusan Sampah Tawau bersama Majlis Perbandaran Tawau bagi membincangkan cadangan penutupan tapak sedia ada kepada cadangan lokasi yang baru.

# PUSAT PELUPUSAN



Pemantauan yang dibuat adalah untuk memastikan operasi tapak pelupusan sampah yang diuruskan oleh MPT secara berperingkat ini sentiasa berfungsi dengan baik, selamat dan lancar. Dalam masa yang sama juga MDTBN dapat berkongsi idea dan pendapat dalam pengurusan pelupusan sampah.



ini merupakan salah satu bertujuan memantau keadaan sebenar di tempat-tempat seliaan MPT bagi merancang penambahbaikan yang boleh dibuat pada masa hadapan untuk kemudahan dan keselamatan kepada penduduk masyarakat Tawau.



Projek pembangunan tapak pelupusan sisa pepejal di Pantai Timur Sabah di Bukit Gemuk Tawau juga adalah yang pertama telah dibina. Berkeluasan 26 ekar itu, ianya bakal membantu dari segi pengurusan dan juga rawatan untuk sisa pepejal di daerah Tawau yang berkapasiti lebih 150 tan sehari.



# LAWATAN KERJA

NOV

MDTBN

LBK

KESUMA



Terdapat beberapa tempat lawatan seperti Esplanade Sidik, Pantai Bak-Bak, Pantai Kelambu, Simpang mengayau, Rumah panjang (Rungus), Pembuatan Gon, Pemprosesan Madu Kelulut dan Kilang Kelapa Dara. Lawatan ini berjalan dengan selamat bersama kakitangan LBK.



## LAWATAN KERJA KE LEMBAGA BANDARAN KUDAT

Tentatif program lawatan bertarikh 24-26 November 2023 bertolak dari Tambunan Ke Kudat melalui jalan Marak Parak By Pass



Aktiviti sukan seperti persahabatan badminton, bola tampar dan bola sepak juga diadakan sepanjang lawatan ini.

## PERLAWANAN PERSAHABATAN MDTBN & LBK





BILIK PERSIDANGAN

## MAJLIS DAERAH TAMBUNAN

### ◆ PERSIDANGAN BERSAMA PENJAJA



Disember 12 - pihak Majlis telah mengadakan perjumpaan dan perbincangan bersama penjaja-penjaja kecil Tambunan bagi memenuhi permintaan dan syarat. Terdapat beberapa isu telah dibangkitkan oleh penjaja. Namun demikian, isu tersebut dapat diselesaikan dengan baik. Dengan adanya cadangan dan pendapat yang bagus daripada pihak Majlis, penjaja-penjaja dengan senang hati mempersetujui keputusan itu.

↓ Pasar Malam Gombunan:

13 disember 2023, Perasmian



# Aturcara Majlis

PELANCARAN BANGUNAN PASAR MALAM GOMBUNAN,  
PEKAN TAMBUNAN (SEBELAH PERPUSTAKAAN  
TAMBUNAN)

Ketibaan orang ramai, peniaga Pasar Malam, AJK Jawatankuasa Induk/Pelaksana, Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan, Ahli Majlis dan Majlis Daerah Tambunan adalah dalam pukul 1.00pm - 2.40pm.

Yang Berbahagia Tuan Sobitun Makajil, Pegawai Daerah, Merangkap Pengerusi Majlis Daerah Tambunan tiba pada pukul 2.45pm.

Manakala, Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan, JP (Timbalan Ketua Menteri I, merangkap Menteri Pertanian dan Makanan Negeri Sabah, ADUN N. 39 Tambunan, Ahli Parlimen P. 180 Keningau) tiba pada jam 3pm.

Pasar Malam Gombunan dirasmikan dengan YB Datuk Seri Dr. Jeffrey menandatangani plaque serta penyampaian cenderahati.



## Gerai ke Gerai

LAWATAN BERJALAN-JALAN KE GERAI

YB Datuk Seri Dr. Jeffrey melawat ke semua gerai - gerai yang ada di Pasar Malam tersebut. Selepas saja selesai lawatan tersebut aturcara di ditutupkan dengan jamuan Hi Tea, persembahan menyanyi daripada VIP dan cabutan tiket bertuah.

Email | [md.tbn@sabah.gov.my](mailto:md.tbn@sabah.gov.my)

[WWW.MDTAMBUNAN.SABAH.GOV.MY](http://WWW.MDTAMBUNAN.SABAH.GOV.MY)

# ANUGERAH



## TAHNAH MAJLIS DAERAH TAMBUNAN

Anugerah diberikan kepada kakitangan Majlis Daerah Tambunan, Suilim@Siti Ayshah Kulimin @ Abdullah atas perkhidmatan cemerlang dalam pengendalian dan pengurusan SM2 serta memastikan pengemaskinian maklumat pada tahap tertinggi termasuklah ketepatan data dalam sistem tersebut.

## MAJLIS ANUGERAH PENARAFAN

Bintang sistem maklumat sumber manusia (SM2) Tahun 2023. Atur cara majlis bertarikh 12 disember 2023. Bertempat ballroom 2, The Magellan Sutera Resort, Kota Kinabalu, Sabah. Sekitar 2.00 - 2.15 petang ketibaan Dif-dif jemputan, Setiausaha tetap Kementerian, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Daerah dan Pegawai-Pegawai Eksekutif.



## PROGRAM

Terdahulu, majlis ini merupakan acara tahunan yang dianjurkan sejak tahun 2019 sebagai platform untuk mengiktiraf kecemerlangan dan menghargai usaha, komitmen dan iltizam tidak berbelah bagi warga kerja yang diketuai oleh Chief Human Resource Officer (CHR.O).



# UNIT PENTADBIRAN

KAKITANGAN MAJLIS DAERAH TAMBUNAN

2023



**RIZAL MAULAH**  
PEGAWAI EKSEKUTIF N.44



**MELISSA BENARD**  
PENOLONG PEGAWAI TADBIR N.32



**SULIM@SITI AYSHAH ABDULLAH**  
PEMBANTU TADBIR N.22



**SHAUN JOHN**  
PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN N.19



**LUNAH DAMIANUS**  
PEMBANTU TADBIR N.22 (KUP)



**DINA WILLIAM YUSUN**  
PEMBANTU TADBIR N.19



**MATHILDA JIMMY**  
PEMBANTU AWAM H.11



**LUCIA GUBONG**  
PEMBANTU AWAM H.11



**ANGELIN PIUS GULIMIT**  
PEMBANTU AWAM H.11



**JONATHAN GARY JUSTIN**  
PEMBANTU AWAM H.11



**NORBORTH TOM JOHN**  
PEMBANTU OPERASI N.11



**THADEUS JOANNES**  
PEMBANTU AWAM H.11



**RACHEL CHRISTOPHER**  
PEMBANTU AWAM H.11



**DEDE RYAN PHILIP**  
PEMBANTU AWAM H.11

# UNIT KEWANGAN

KAKITANGAN MAJLIS DAERAH TAMBUNAN

2023



**RIZAL MAULAH**  
PEGAWAI EKSEKUTIF N.44



**MARLINAWATI JANGO**  
PENOLONG AKAUNTAN W.29



**MALIANA GAIM**  
PEMBANTU TADBIR N.19



**SHARULL NYZAM**  
PEMBANTU TADBIR W.19



**WILFRED YULON**  
PEMBANTU TADBIR N.19



**BONYVANCER YEE MIN**  
PEMBANTU TADBIR N.19



**SAMMY MAJANGGUNG**  
PEMBANTU TADBIR H.11



**JURINAH M GUHAK**  
PEMBANTU AWAM H.11



**JALLALLUDDIN DAHING**  
PEMBANTU AWAM H.11



**VIVIAN EVA UTU**  
PEMBANTU AWAM H.11



**OLIVER LASIUS**  
PEMBANTU AWAM H.11



# UNIT KESIHATAN

KAKITANGAN MAJLIS DAERAH TAMBUNAN

2023



**RIZAL MAULAH**  
PEGAWAI EKSEKUTIF N.44



**MARK WOLD LADIH**  
PEN.PEG.KESIHATAN PERSEKITARAN U.29



**JASON JUSLIN**  
PEMBANTU TADBIR N.19



**MAURICE STEPHEN B. VICTOR @**  
PEMBANTU TADBIR N.22 (KUP)



**ZENO MURIN**  
PEMBANTU AWAM H.11



**JOSEPH MADAIS**  
PEMBANTU AWAM H.11



**MARINUS JOHN**  
PEMBANTU AWAM H.11



**ABDUL KHAIR**  
PEMBANTU AWAM H.11



**AHMAD SALMAN**  
PEMBANTU AWAM H.11



**FABIAN SIMON**  
PEMBANTU AWAM H.11



**HAROLD MONIS**  
PEMBANTU AWAM H.11



**JONNYER JUHATI**  
PEMBANTU AWAM H.11



**JOY JONAS**  
PEMBANTU AWAM H.11



**ROHANI BASIR**  
PEMBANTU AWAM H.11

# UNIT PEMBANGUNAN

KAKITANGAN MAJLIS DAERAH TAMBUNAN

2023



**RIZAL MAULAH**  
PEGAWAI EKSEKUTIF N.44



**ALEX ANTHONY APIN**  
PENOLONG JURUTERA JA.29



**JOVITA YAJON**  
PEMBANTU TADBIR N.19



**ALVIN EDMUND**  
PEMBANTU AWAM H.11



**JIMMY JONAS**  
PEMBANTU AWAM H.11



**RANDY RYMOND**  
PEMBANTU AWAM H.11



# UNIT LANDSKAP

KAKITANGAN MAJLIS DAERAH TAMBUNAN

2023



**RIZAL MAULAH**  
PEGAWAI EKSEKUTIF N.44



**YANGUN DIGANG**  
JURUTEKNIK J.19



**RUHAINI TOMBUD**  
PEMBANTU AWAM H.11



**JULITA NAUONG**  
PEMBANTU AWAM H.11



**ROSIE IGGING**  
PEMBANTU AWAM H.11



**MICHEAL GANTAWONG**  
PEMBANTU AWAM H.11



**HO MOI LIN @ HELDA**  
PEMBANTU AWAM H.11



**ZICO MAJIT**  
PEMBANTU AWAM H.11



**MOHD AZIZI**  
PEMBANTU AWAM H.11



**JR ALBERIONE**  
PEMBANTU AWAM H.11



**RONALLD JUSTINUS**  
PEMBANTU AWAM H.11



**MOHD NASRUL**  
PEMBANTU AWAM H.11

# UNIT PENGUATKUASA

KAKITANGAN MAJLIS DAERAH TAMBUNAN

2023



**RIZAL MAULAH**  
PEGAWAI EKSEKUTIF N.44



**MASSILIN @ MASILIN**  
PENOLONG PEGAWAI PENGUATKUASA KP.29



**HENRY PETER MUJI**  
PEMBANTU PENGUATKUASA KP.19



**PAULUS GODUNG**  
PEMBANTU PENGUATKUASA KP.19



**ERVIN JAMES**  
PEMBANTU PENGUATKUASA KP.19



**VELERIA JOANNES**  
PEMBANTU PENGUATKUASA KP.19



**ZENO GURAH**  
PEMBANTU AWAM H.11





**FASHION**  
**FASHION**  
**FASHION**



Diterbitkan oleh : Majlis Daerah Tambunan  
Peti surat 31, 89650  
Tambunan Sabah.

No Telefon : 087-770132  
No Faks : 087-774441



**KESUMA**

# KERATAN AKHBAR